

17/10/1997

AS kritik kenyataan Dr Mahathir

WASHINGTON, Khamis -Jabatan Negara Amerika Syarikat semalam mengkritik kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa masyarakat Yahudi cuba menyekat pembangunan Malaysia serta mensabotaj mata wang negaranya.

"Kami mengutuk sekeras-kerasnya sebarang kenyataan yang mengaitkan puak Yahudi atau etnik lain dengan krisis mata wang yang dialami Malaysia atau negara lain," kata jurucakap jabatan itu, James P Rubin.

"Jika kenyataan itu benar dibuat, kami menyifatkannya sebagai tidak wajar, tidak berasas dan sukar difahami," katanya.

Rubin berkata, kenyataan itu tidak akan menyumbang kepada penyelesaian masalah ekonomi serta membuktikan `kefahaman tidak logik mengenai sistem antarabangsa'.

Beliau juga dimaklumkan bahawa Dr Mahathir selepas itu menafikan beliau pernah menyebut mengenai kewujudan pakatan masyarakat Yahudi.

Dr Mahathir bertanggungjawab mengubah Malaysia daripada sebuah negara kerdil di Asia Tenggara kepada harimau ekonomi rantau itu sejak menjadi Perdana Menteri pada 1981.

Kadar pertumbuhan ekonomi tahunan Malaysia mencapai lapan peratus sejak sedekad lalu dan mutu hidup rakyatnya bertambah baik.

Bagaimanapun, sejak krisis mata wang melanda rantau itu pertengahan Julai lalu, nilai ringgit merosot sebanyak 20 hingga 30 peratus dan pasaran saham turun ke paras paling rendah.

Beberapa penganalisis kewangan mendakwa masalah itu berpunca daripada kritikan Dr Mahathir terhadap spekulator mata wang asing, yang dikatakan berunsur perkauman.

Beliau pernah menggelar mereka `penjenayah' dan `penyangak' yang harus diharamkan daripada berniaga. - AP

(END)